

ARAHAN:

Jawab **SEMUA** soalan berikut.

1 Pengasingan kategori manusia mengikut perbezaan biologikal dan fizikal disebut sebagai

- A ras.
- B etnisiti.
- C minoriti.
- D prasangka.

2 Formula yang mewakili asimilasi ialah

- A $A+B+C=A$.
- B $A+B+C=C$.
- C $A+B+C=B+C$.
- D $A+B+C= A+B+C$.

3 Pluraliti masyarakat pada zaman pascakolonial menjadi bertambah kompleks akibat

- I proses perindustrian.
- II modenisasi.
- III globalisasi.
- IV asimilasi.

- A I, II dan III sahaja.
- B I, III dan IV sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

4 “Kepercayaan bahawa ada ras tertentu yang berstatus lebih unggul, manakala ras lain mempunyai status lebih rendah” merujuk kepada rasisme tahap

- A negara.
- B institusi.
- C individu.
- D masyarakat.

5. Komponen prasangka dari aspek etnik dan ras terdiri dari komponen
- I kognitif.
 - II sentimen.
 - III kelakuan.
 - IV afektif.
- A I, II dan III sahaja.
B I, II dan IV sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.
6. Apakah ciri-ciri masyarakat majmuk menurut Van den Berghe?
- I Dominasi politik oleh golongan tertentu
 - II Wujud konflik dalam kelompok
 - III Ketiadaan pemuafakatan nilai
 - IV Kepelbagaian kebudayaan
- A I, II dan III sahaja.
B I, III dan IV sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.
7. Menurut Kinloch, kumpulan minoriti boleh dibahagikan mengikut ciri berikut
KECUALI
- A fizikal.
 - B politik.
 - C ekonomi.
 - D kebudayaan.
8. Siapakah pakar rujuk agama Islam di kalangan rakyat tempatan?
- I Tok guru
 - II Lebai
 - III Imam
 - IV Kadi
- A I, II dan III sahaja.
B I, III dan IV sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.

- 9 Agama Islam disebarkan di rantau Alam Melayu melalui
- I penaklukan.
 - II perkahwinan.
 - III perdagangan.
 - IV kegiatan intelektual.
- A I dan III sahaja.
B I, II dan IV sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.
- 10 Faktor-faktor kedatangan pedagang China ke Melaka.
- I Perdagangan
 - II Penyebaran agama Buddha
 - III Dasar luar Kesultanan Melayu Melaka
 - IV Hubungan diplomatik antara Melaka dan China
- A I, II dan III sahaja.
B I, III dan IV sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.
- 11 Pergerakan masyarakat plural sebelum zaman Kesultanan Melayu Melaka telah mewujudkan hubungan etnik yang erat menerusi aktiviti
- A perdagangan.
B penghijrahan.
C perkahwinan.
D penaklukan.
- 12 Proses asimilasi antara golongan imigran dengan masyarakat tempatan berlaku melalui
- I integrasi.
 - II perdagangan.
 - III perkahwinan.
 - IV penyerapan budaya.
- A I, II dan III sahaja.
B I, II dan IV sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.

- 13 Faktor-faktor kemasukan imigran China ke Sabah ialah sebagai
- I buruh lombong bijih timah.
 - II buruh ladang tembakau.
 - III pekedai dan peniaga.
 - IV buruh ladang getah.
- A I, II dan III sahaja.
B I, II dan IV sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.
- 14 Penglibatan masyarakat imigran India di Sabah semasa pemerintahan Kompeni Berpiagam Borneo Utara lebih tertumpu kepada sektor
- I pentadbiran.
 - II sokongan.
 - III teknikal.
 - IV buruh.
- A I, II dan III sahaja.
B I, II dan IV sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.
- 15 Orang Melayu dan Melanau di Sarawak menetap di kawasan
- A bandar.
 - B pesisiran.
 - C pendalaman.
 - D lereng bukit.
- 16 Daripada segi budaya, komuniti Baba dan Nyonya telah mengalami proses _____ dengan budaya tempatan, iaitu budaya Melayu.
- A integrasi
 - B asimilasi
 - C akulturasi
 - D amalgamasi

- 17 Apakah kesan penting daripada kemasukan golongan imigran kepada penduduk tempatan di Sabah.
- A Kadar pertambahan imigran melebihi kadar pertambahan bumiputera.
 - B Kadar pertambahan imigran sama dengan kadar pertumbuhan.
 - C Kadar bilangan imigran masih rendah berbanding bumiputera.
 - D Kadar bilangan imigran hampir melebihi 50% bumiputera.
- 18 Faktor kurangnya kemasukan orang India datang ke Sarawak untuk berkerja sebagai buruh ialah
- A prosedur pengambilan tenaga buruh yang dilaksanakan oleh kerajaan India.
 - B kedudukan geografi India yang jauh dari Sarawak.
 - C lebih berminat bekerja di Tanah Melayu.
 - D kos upah yang tinggi.
- 19 Berikut ialah kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat alam Melayu sebelum kedatangan Islam **KECUALI**
- A Hindu.
 - B Buddha.
 - C Taoisme.
 - D animisme.
- 20 Apakah aktiviti penting di kalangan masyarakat tradisional dalam mengukuhkan perhubungan persaudaraan dan perpaduan sesama anggota masyarakat?
- A Bersopan santun.
 - B Gotong royong.
 - C Bertolak ansur.
 - D Bersalaman.

- 21 Apakah faktor-faktor penentangan penduduk tempatan terhadap penjajah
- I Pengenaan cukai
 - II Raja mula kehilangan kuasanya
 - III Pelanggaran adat resam penduduk tempatan
 - IV Penindasan ke atas penduduk tempatan, misalnya dijadikan buruh kasar
- A I dan II sahaja.
B I, II dan III sahaja.
C II dan III sahaja.
D I, II, III dan IV.
- 22 Setelah Inggeris kembali semula ke Tanah Melayu, mereka telah menubuhkan sebuah pentadbiran yang dinamakan
- A Malayan Union.
B Pentadbiran Tentera British.
C Persekutuan Tanah Melayu.
D Sistem Ahli.
- 23 Siapakah ketua utama bagi Persekutuan Malaysia?
- A Perdana Menteri
B Ketua Hakim Negara
C Yang di-Pertuan Agong
D Ketua Setiausaha Negara
- 24 Konsep raja berpelembagaan ialah
- A Yang di- Pertuan Agong mempunyai kedudukan tertinggi mengikut perlembagaan.
B Raja atau Sultan tidak terlepas daripada penghakiman seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.
C Raja berpelembagaan adalah warisan sejarah kesultanan Melayu yang dipermodenkan menerusi perlembagaan.
D Kuasa dan institusi Yang di- Pertuan Agong, Raja atau Sultan diwujudkan dan dipertahankan dan didasarkan kepada perlembagaan.

- 25 Pilih kenyataan yang **BENAR** berkaitan pilihanraya.
- A Kawasan pilihanraya tidak boleh bertambah.
 - B Seseorang boleh bertukar kawasan mendaftar sebagai pemilih.
 - C Pilihanraya Bandaraya Kuala Lumpur 1952 merupakan pilihanraya umum yang pertama negara.
 - D Pilihanraya di adakan sebelum cukup tempoh lima tahun dari tarikh pilihanraya sebelumnya.
- 26 Bagaimana pilihanraya umum boleh dilaksanakan?
- I Apabila Parlimen dibubarkan oleh Perdana Menteri
 - II Apabila Dewan Undangan Negeri dibubarkan oleh Yang Di- Pertua Negeri
 - III Apabila berlaku kematian Wakil Rakyat atau ahli Dewan Undangan Negeri
 - IV Apabila sampai edah dari segi undang- undang iaitu sebelum tempoh lima tahun dari tarikh terakhir pilihanraya
- A I dan II sahaja.
 - B II dan IV sahaja.
 - C I, III dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.
- 27 Di manakah undang- undang yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan digubal?
- I Dewan Negara
 - II Dewan Rakyat
 - III Dewan Parlimen
 - IV Dewan Undangan Negeri
- A I dan II sahaja.
 - B I, II dan III sahaja.
 - C I, II dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

- 28 Pilih pernyataan yang **BENAR** mengenai syarat- syarat yang membolehkan seseorang itu mengundi.
- I Telah berdaftar sebagai pemilih
 - II Telah mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan
 - III Tidak ditahan oleh polis atau menjalani hukuman penjara
 - IV Warganegara Malaysia yang hanya menetap di negara ini pada hari berlangsungnya pilihanraya
- A I, II dan III sahaja.
B I, II dan IV sahaja.
C I, III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.
- 29 Antara faktor-faktor yang dipertimbangkan dalam membentuk Perlembagaan Malaysia ialah
- I Sistem beraja yang sedia wujud sejak beratus tahun
 - II Keanggotaan 14 negeri yang mempunyai pelbagai bentuk pemerintahan
 - III Masyarakat berbagai-bagai asal keturunan dan taraf ekonomi serta amalan keagamaan yang berlainan
 - IV Minat politik pelbagai pihak yang prihatin terhadap pemerintahan negara
- A I dan II sahaja.
B I, II dan III sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I,II,III dan IV.
- 30 Pernyataan-pernyataan di bawah adalah **BENAR** mengenai pindaan perlembagaan
- I Dilakukan melalui proses parlimen
 - II Keutamaan pindaan diberi untuk melicinkan pentadbiran negara
 - III Perubahan hanya boleh dilakukan dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong
 - IV Semua undang- undang dan peraturan negara hanya terpakai setelah disahkan oleh YDA
- A I dan II sahaja.
B I dan III sahaja.
C I dan IV sahaja
D I, II dan III sahaja.

31. Pernyataan yang **PALING TEPAT** mengenai Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
- A Bahasa Melayu bahasa penduduk asal negara ini
 - B Bahasa Melayu sahaja yang mempunyai dua bentuk tulisan, iaitu jawi dan rumi
 - C Penutur Bahasa Melayu lebih ramai berbanding dengan Bahasa Tamil atau Mandarin
 - D Mempunyai perbendaharaan kata yang lebih banyak daripada bahasa-bahasa lain
32. Pernyataan berikut adalah **BENAR** tentang kebebasan diri **KECUALI**
- A Hak membela diri.
 - B Tidak boleh dibuang negeri bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan.
 - C Kebebasan bersuara.
 - D Hak untuk hidup.
33. Kewarganegaraan terbatal sekiranya berlaku keadaan-keadaan berikut.
- I Kewarganegaraannya selama sepuluh tahun telah diperolehi secara penipuan
 - II Seorang warganegara wanita Malaysia berkahwin dengan seorang rakyat jati Thailand lalu memperolehi status warganegara Thailand
 - III Setelah sepuluh tahun menjadi warganegara Malaysia seorang pegawai sesebuah syarikat dibicarakan di atas pertuduhan menggelapkan wang syarikatnya dan dia dihukum denda RM35,000.00
 - IV Seorang warganegara Persekutuan yang menuntut di luar negeri mendapat hak mngundi dalam pilihanraya negeri asing itu
- A I dan II sahaja.
 - B I dan IV sahaja.
 - C II, III, IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.
34. Asas- asas utama perpaduan dan integrasi nasional ialah
- I pertumbuhan ekonomi yang baik
 - II perkongsian kuasa politik
 - III tolak ansur budaya
 - IV kerajaan demokrasi
- A I, II dan III sahaja.
 - B I, II dan IV sahaja.
 - C I, III, IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

- 35 Pembangunan negara bertujuan
- A membawa kesejahteraan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum.
 - B mengagihkan kekayaan supaya perpaduan nasional dapat dicapai.
 - C menyusun semula masyarakat dengan menghapuskan kemiskinan.
 - D menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.
- 36 Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan selepas peristiwa 13 Mei mencakupi
- I Rancangan Malaysia Kedua hingga Rancangan Malaysia Kelima.
 - II Rangka Rancangan Jangka Panjang pertama (RRJP 1) dan lima tahun pertama RRJP 2.
 - III tempoh selama 20 tahun.
 - IV sehingga tahun 2020.
- A I, II, III, IV.
 - B I, II dan III sahaja.
 - C II, III dan IV sahaja.
 - D I dan II sahaja.
- 37 Pembangunan seimbang dalam RRJP 2 ialah
- A menfokuskan kepada kemajuan kawasan bagi desa dan Bandar serta wilayah supaya seluruh negara maju jaya.
 - B berorientasikan pembangunan fizikal dan mental supaya rakyat bukan sahaja sihat dan produktif tetapi juga bijak dan berwawasan.
 - C mengambilkira bukan sahaja perkembangan ekonomi tetapi juga pembangunan insan, pembentukan semangat perpaduan dan juga penjagaan alam sekitar.
 - D berteraskan falsafah pengagihan kekayaan dengan seadil yang mungkin tanpa mengira kaum tetapi semua rakyat berpeluang meningkat maju hasil pertumbuhan ekonomi negara.
- 38 Berikut adalah usaha- usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan luar bandar.
- I Penubuhan RIDA
 - II Penubuhan FAMA
 - III Pembukaan tanah- tanah baru oleh FELDA
 - IV Pengenalan BUKU MERAH (RED BOOK)
- A I dan IV sahaja.
 - B II dan III sahaja.
 - C I, II, IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

- 39 Pilih pernyataan **PALING TEPAT** mengenai Wawasan 2020.
- A Merupakan satu dasar utama negara.
 - B Nada 'gagasan' Wawasan 2020 amat mirip kepada DEB bertujuan menempa kesejahteraan rakyat.
 - C Tempoh masa yang diperuntukkan bagi mencapai matlamat Wawaan 2020 hampir sama dengan DEB sejak kedua- duanya diperkenalkan.
 - D Sembilan cabaran Wawasan 2020 mampu melahirkan generasi yang bersatu padu, bertenaga, bebas, maju dan berketrampilan mulia.
- 40 Masalah hubungan kaum sebenarnya adalah disebabkan oleh faktor psikologi (mental atau kepercayaan)
- Manakah **BUKAN** faktor utama psikologi dalam masalah hubungan kaum?
- A Prasangka
 - B Perkauman
 - C Personaliti
 - D Entosentrisme
- 41 Berikut adalah usaha pembasmian kemiskinan yang dilakukan pada Rancangan Malaysia Ke 2 (RMK 2) bermula daripada 1971 hingga 1975 **KECUALI**
- A peluang kerja diisi oleh semua kaum.
 - B mengurang jurang perbezaan pendapatan.
 - C penanggungan pola pengeluaran dan pendapatan.
 - D perbaiki taraf dan kualiti hidup pelbagai komposisi kaum.
- 42 DEB telah membangunkan beberapa institusi seperti KEJORA, DARA, PERNAS, UDA, RISDA dan LPP dalam tempoh
- A Rancangan Malaysia Ke 1.
 - B Rancangan Malaysia Ke 2.
 - C Rancangan Malaysia Ke 3.
 - D Rancangan Malaysia Ke 4.

- 43 Semasa tempoh kelembapan ekonomi dunia pada RMK 4, pihak kerajaan telah melakukan beberapa langkah **KECUALI**

A perkemaskan RMK 1 dan RMK 2.
B penekanan industri berat, berteknologi tinggi dan tenaga kerja mahir.
C membuka kawasan perusahaan baru, membina PNB dan Skim ASN (1981).
D Rancangan Pembangunan Wilayah, penubuhan KESEDAR dan KETENGAH.

- 44

Menjamin pertumbuhan mapan, kukuh daya tahan ekonomi dan masyarakat bersatu dan saksama.
--

Kerajaan telah merangka _____ dalam RMK-8 untuk mencapai matlamat di atas.

A Dasar Wawasan Negara.
B Dasar Ekonomi Baru.
C Islam Hadhari.
D Modal Insan.

- 45 Manakah antara berikut **BUKAN** cabaran Wawasan 2020?

A Menjadikan masyarakat bersatu padu
B Masyarakat berjiwa bebas dan liberal
C Masyarakat berdedikasi
D Masyarakat saintifik

Cabaran	Strategi
Tingkat prestasi negara	Kemudahan dan perkhidmatan berkualiti tinggi
Kukuh daya saing, tahan dan inovasi.	Rakyat termiskin sifar.
Daya pengeluaran dan pengetahuan ekonomi.	Tingkat prestasi agihan (ekuiti, pendapatan)
Bangun sumber manusia.	IKS peneraju pertumbuhan ekonomi
Kemiskinan sifar.	Keberkesanan penswastaaan.

Jadual di atas adalah cabaran dan strategi dalam RMK 9 ke arah pembangunan insan. Manakah antara berikut **BUKAN** keutamaannya?

- A Pengukuhan daya saing
 B Membawa kepada kebocoran dalam ekonomi
 C Menghasilkan kesan berganda dan bersifat fungsian
 D Memenuhi keperluan sosioekonomi segelintir masyarakat
47. Pernyataan berikut adalah **TIDAK BENAR** mengenai pembangunan ekonomi, hubungan etnik dan proses pembinaan negara.
- A Pihak swasta berperanan dalam pembangunan negara
 B Berlakunya peralihan identifikasi sosioekonomi kaum
 C Sektor perindustrian menjadi asas pembentukan negara maju
 D DEB berjaya sepenuhnya dalam mengurangkan jurang sosioekonomi
48. Manakah **BUKAN** cabaran dalam hubungan etnik di Malaysia?
- A Membina jalinan harmoni hubungan Interetnik dan intraetnik
 B Pendekatan Islam dalam menangani masalah hubungan etnik
 C Membina Rakyat Malaysia yang berpersonaliti unggul
 D Mengurangkan hubungan antara etnik di Malaysia
49. Kenapa pelajar perlu memahami dan mengambil iktibar tentang cabaran hubungan etnik di Malaysia?
- A Tidak terdapat pengagihan yang seimbang antara kaum dalam setiap dimensi
 B Diskriminasi dan kumpulan minoriti jelas ketara dalam masyarakat
 C Perhubungan kaum di Malaysia tidak boleh dianggap seimbang
 D Terdedah kepada ketegangan pada bila-bila masa

- 50 Personaliti unggul dikaitkan dengan pekerti yang mulia, berpendidikan dan menempa kecemerlangan dalam bidang tertentu. Keseimbangan personaliti unggul melibatkan
- A budi pekerti mulia, kesopanan dan kesusilaan.
 - B rohani, jasmani, emosi dan intelek.
 - C intelektual, fizikal dan spiritual.
 - D keimanan dan ketaqwaan.
- 51 Prasyarat utama asas pembinaan personaliti unggul adalah melibatkan kemantapan
- A bahasa.
 - B agama.
 - C jati diri.
 - D budaya dan sistem nilai.
- 52 Dalam menangani permasalahan perhubungan antara kaum, kerajaan telah menubuhkan
- A Jabatan Perpaduan Negara.
 - B Jabatan Perhubungan Luar.
 - C Jabatan Integrasi Nasional.
 - D Jabatan Seni dan Kebudayaan.
- 53 Rukun Negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Bahasa Kebangsaan, mempunyai kaitan langsung dengan cabaran
- A luaran negara.
 - B dalaman negara.
 - C hubungan intraetnik.
 - D hubungan interetnik.
- 54 Proses integrasi dan hubungan yang seimbang masyarakat Malaysia perlu berdasarkan elemen-elemen berikut **KECUALI**
- A politik kepartian.
 - B sosio-ekonomi.
 - C sosio-politik.
 - D agama.

55 Manakah antara berikut definisi yang **SALAH** berkenaan elemen psikologi dalam konteks hubungan etnik?

- A Persepsi ialah tanggapan yang salah terhadap etnik lain
- B Prejudis ialah prasangka hasil dari maklumat yang kurang tepat
- C Etnosentrisme ialah kepercayaan bahawa nilai etnik sendiri terlebih baik
- D Diskriminasi ialah tingkah laku yg terhasil daripada perkembangan kognitif

56 Hikmah kejadian manusia yang berbilang etnik dan keturunan ialah

- A untuk membina pelbagai kontrak sosial berkepentingan etnik.
- B untuk berkenalan dan menambahkan variasi biologi.
- C untuk saling menolong dalam perkara kebajikan.
- D untuk mewujudkan daya saing secara ketara.

57

Pandangan Ibn Khaldun berdasarkan kitabnya *al-Muqaddimah*: Faktor kebangkitan dan kejatuhan sesebuah peradaban juga bergantung kepada konsep '*asabiyah*' yang bukan berteraskan kepada chauvinisme dan rasisme semata-mata.

Konsep '*asabiyah*' yang ditekankan oleh Ibn Khaldun ialah ikatan

- A darah dan semangat juang negara.
- B persaudaraan Islam dan kebaikan umat beragama Islam.
- C setiakawan tanpa mengira darjat, sikap dan perilaku individu.
- D persaudaraan, setiakawan dan saling membantu melakukan kebaikan.

58 Panduan dan landasan dalam mengurus persoalan kaum di Malaysia perlu dibina berdasarkan

- A panduan yang diajar dalam panduan Islam dan agama Tuhan.
- B pengajaran daripada sejarah dan pandangan para ilmuan tamadun.
- C perjuangan bangsa tanpa mengira kepentingan setiap individu masyarakat.
- D mematuhi dan berkomitmen kepada semua program yang dilaksanakan Kerajaan.

59 Ungkapan yang merujuk kepada Bahasa Kebangsaan sebagai lambang dan identiti bangsa Malaysia ialah

- A Bahasa Lambang Negara.
- B Bahasa Tunas Bangsa.
- C Bahasa Jiwa Bangsa.
- D Bahasa Budi Budaya.

60 Nilai _____ yang ada dalam agama secara langsung dapat mengelakkan seseorang daripada bertindak zalim terhadap orang lain.

- A kemanusiaan
- B kepercayaan
- C instrinsikal
- D ketuhanan

61

Dibincangkan dan dipinda oleh Majlis Perundingan Negara (MPN)
Diluluskan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)
Diisytiharkan pada 31 Ogos 1970

Maklumat di atas adalah berkenaan dengan


- A Rukun Negara.
- B Ordinan Pelajaran.
- C Dasar Pembangunan Nasional.
- D Dasar Ekonomi Baru (1971 – 1990).

62 Tujuan sebenar penyediaan sekolah-sekolah Melayu oleh pihak British adalah untuk

- A mengasingkan dan memencilkan majoriti masyarakat Melayu.
- B mensosialisasikan kehidupan masyarakat Melayu di kampung.
- C mengekalkan orang Melayu dalam dunia pekerjaan tradisional.
- D membolehkan anak-anak Melayu menjadi petani, pesawah dan nelayan yang lebih baik.

- 63 Menurut Kod Buruh 1923, kemudahan pendidikan Tamil di sesebuah kawasan estet perlu disediakan apabila bilangan pelajar mencapai jumlah
- A 10 orang atau lebih.
 - B 20 orang atau lebih.
 - C 30 orang atau lebih.
 - D 40 orang atau lebih.
- 64 Syor-syor yang diajukan di dalam Laporan Barnes 1951 ialah
- I menyediakan kemudahan persekolahan percuma untuk semua murid.
 - II kemudahan disediakan untuk mempelajari bahasa Cina dan bahasa Tamil.
 - III menghapuskan bantuan kewangan negeri dan pusat kepada sekolah Cina dan India.
 - IV pemeliharaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.
- A I dan IV sahaja.
 - B II dan III sahaja.
 - C I, III dan IV sahaja.
 - D II, III dan IV sahaja.
- 65 Berikut adalah rumusan yang dibuat dalam Laporan Woodhead 1955 **KECUALI**
- A *The Grant Code 1955* diperkenalkan.
 - B dua jenis sekolah kebangsaan rendah didirikan.
 - C kepentingan bahasa Inggeris sebagai *lingua-franca*.
 - D penyelarasan syarat-syarat perkhidmatan guru-guru di semua sekolah

66



X merujuk kepada

- A Laporan Kabinet 1979.
- B Ordinan Pelajaran 1961.
- C Ordinan Pelajaran 1957.
- D Laporan Woodhead 1956.

67 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) menekankan kepada

- A meningkatkan dan mengukuhkan kepimpinan budaya.
- B menyelesaikan masalah perbezaan ekonomi antara sektor dan kaum.
- C mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.
- D memperuntukan ruang perniagaan di bangunan dan kedai perniagaan untuk kaum bumiputera

68 Antara bukti pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) ialah

- I pemilikan modal saham bumiputera mencapai 30% pada tahun 1990.
- II penurunan kadar kemiskinan di Malaysia sehingga 17.1% pada tahun 1990.
- III penurunan kadar pengangguran daripada 7.4% pada tahun 1970 kepada 4.6 % pada tahun 1982.
- IV penyertaan kaum bumiputera dalam sektor professional mencapai 29% pada tahun 1990

- A I dan II sahaja.
- B I, II dan III sahaja.
- C I, III dan IV sahaja.
- D II, III dan IV sahaja.

- 69 Undang-undang yang memperuntukkan bahawa YDPA boleh memberi kebenaran supaya bahasa Inggeris digunakan untuk tujuan rasmi sekiranya perlu ialah
- A Akta Bahasa-bahasa Rasmi 1967.
 - B Akta Bahasa Kebangsaan 1967.
 - C Akta Pendidikan 1967.
 - D Akta Pendidikan 1961.
- 70 Pergerakan Islam di Timur Tengah yang mempengaruhi pendidikan agama di Tanah Melayu ialah
- A Gerakan al-Azhar, Mesir.
 - B Kesedaran Kaum Muda.
 - C Gerakan Islah Islam.
 - D Gerakan al-Ikhwan.
- 71 Semua yang berikut adalah BENAR mengenai cabaran Wawasan 2020 **KECUALI**
- A mewujudkan masyarakat yang saksama.
 - B mewujudkan sebuah masyarakat yang kaya dan makmur.
 - C mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama dari segi ekonomi.
 - D mewujudkan masyarakat yang penyayang dan mengamalkan budaya penyayang.
- 72 Berikut adalah prinsip-prinsip penting yang digariskan dalam Pembinaan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia **KECUALI**
- A berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.
 - B unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima.
 - C nilai-nilai Islam diserapkan dalam kehidupan dan pentadbiran.
 - D Islam merupakan unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

- 73 Manakah antara berikut terkandung di dalam Wawasan 2020?
- I pembangunan alam sekitar.
 - II mengekalkan pertumbuhan ekonomi.
 - III membina masyarakat yang berdaya saing.
 - IV membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan.
- A I, II dan III sahaja.
B I, II dan IV sahaja.
C III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.
- 74 Kedatangan Islam ke Alam Melayu dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu
- A pertapakan-penaklukan-penyebaran pengaruh.
 - B persinggahan-penaklukan-penyebaran pengaruh.
 - C persinggahan-pertapakan-penyebaran pengaruh.
 - D pertapakan-penyebaran pengaruh-perluasan pengaruh.
- 75 Berikut adalah tokoh-tokoh Gerakan Pembaharuan Mesir yang mempengaruhi golongan pelajar dari Tanah Melayu dalam kebangkitan kesedaran kebangsaan **KECUALI**
- A Rasyid Ridha.
 - B Muhammad Abduh.
 - C Syed Syeikh al-Hadi.
 - D Jamaluddin al-Afghani.
- 76 Berikut adalah hikayat-hikayat yang mempunyai pengaruh Islam **KECUALI**
- A Sejarah Melayu.
 - B Hikayat Ali Hanafiah.
 - C Hikayat Amir Hamzah.
 - D Hikayat Hamzah Fansuri.

- 77 Pilih kenyataan yang **BENAR** tentang *jizyah*.
- A Cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam sebagai ganti zakat
 - B Cukai yang dikenakan sebanyak sekali setahun ke atas setiap lelaki yang berkeluarga
 - C Pampasan yang diberikan kepada wanita, kanak-kanak, orang gila dan orang cacat yang tidak mempunyai tempat perlindungan
 - D Cukai yang dikenakan terhadap lelaki dewasa bukan Islam yang dikecualikan daripada pergi berperang di sebuah negara Islam
- 78 Berikut adalah prinsip-prinsip utama Islam Hadhari **KECUALI**
- A kehidupan berkualiti.
 - B keutuhan budaya dan moral.
 - C kekuatan pertahanan dan perpaduan.
 - D perpaduan kaum dan keharmonian bangsa.
- 79 Maksud *Al-Bai Bithaman Ajil* ialah
- A usaha sama antara pemilik modal dengan usahawan.
 - B konsep bayaran tertangguh.
 - C akaun simpanan semasa.
 - D pajak gadai Islam.
- 80 Siapakah yang mengemukakan cadangan supaya parit digali disekitar kota Madinah semasa Perang Khandak?
- A al-Munziri.
 - B al-Khabbab.
 - C Ubay bin Kaab.
 - D Salman al-Farisi.
- 81 Amanah, tanggungjawab, ikhlas adalah merujuk kepada
- A prinsip Islam Hadhari.
 - B pembangunan modal insan.
 - C pembinaan personaliti unggul.
 - D penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

- 82 Falsafah pendidikan Islam di Malaysia berdasarkan kepada
- A rukun negara.
 - B perlembagaan Malaysia.
 - C al-Quran dan al-Sunnah.
 - D Falsafah Pendidikan Negara.
- 83 Berikut adalah **BENAR** mengenai sistem syura.
- I Bertindak sebagai penasihat kepada ketua negara.
 - II Majlis Syura terdiri daripada sepuluh orang ahli tetap.
 - III Syura mula di amalkan selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W..
 - IV Jika sesuatu hal melibatkan orang bukan Islam, pandangan mereka akan diambil kira.
- A I dan II sahaja.
 - B I dan III sahaja.
 - C I dan IV sahaja.
 - D II, III dan IV sahaja.
- 84 Tingkahlaku, etika dan budaya kerja kakitangan awam di tempat kerja adalah berdasarkan kepada
- A Institut Integrasi Nasional.
 - B Jabatan Perkhidmatan Awam.
 - C Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
 - D Buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang.
- 85 Menurut Perlembagaan Persekutuan, Perkara 160, orang Melayu merujuk kepada seseorang yang
- I beragama Islam.
 - II berbahasa Melayu.
 - III mengamalkan adat istiadat Melayu
 - IV tinggal di dalam lingkungan penempatan Melayu
- A I dan II sahaja.
 - B I, II dan III sahaja.
 - C II, III dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

- 86 Undang-undang yang bertanggungjawab menjaga hak-hak masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia ialah
- A Rukun Negara.
 - B Prinsip Islam Hadhari.
 - C Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
 - D Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).
- 87 Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita merujuk kepada
- A Prinsip Islam Hadhari.
 - B Matlamat Wawasan 2020.
 - C Matlamat Dasar Ekonomi Baru.
 - D Matlamat Dasar Pembangunan Nasional.
- 88 Berikut adalah unit-unit politik orang Melayu pada abad ke 19.
- I Sultan.
 - II Penghulu.
 - III Pegawai daerah.
 - IV Pembesar-pembesar tempatan.
- A I dan IV sahaja.
 - B II dan IV sahaja.
 - C I, II dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.
- 89 Kuasa dalam sistem politik masyarakat Melayu tradisional **PALING TEPAT** dikatakan bersifat
- A sehala.
 - B dua hala.
 - C timbal balik.
 - D berperingkat.

- 90 Sikap prejudis, stereotaip dan etnosentrisme antara kaum timbul kerana
- A fitrah kejadian manusia.
 - B perindustrian dalam komunikasi.
 - C terdapat pelbagai kaum dalam sesebuah kawasan.
 - D tidak memahami identiti dan budaya antara masyarakat.
- 91 Apakah usaha-usaha kerajaan Malaysia untuk menjalinkan perpaduan kaum dalam masyarakat majmuk?
- I Memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru
 - II Memperkenalkan Dasar Kebudayaan Nasional
 - III Melalui amalan dalam Dasar Pendidikan Negara
 - IV Gabungan pelbagai parti politik dalam Barisan Nasional
- A I dan III sahaja.
 - B I, II dan III sahaja
 - C I, II dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 92 Program Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat nasional tahun 2006 adalah anjuran
- A Kementerian Penerangan.
 - B Kementerian Perlancongan.
 - C Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
 - D Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.
- 93 Penekanan pembangunan modal insan bermaksud
- A melahirkan individu yang berpersonaliti unggul.
 - B meningkatkan jumlah pendapatan rakyat malaysia.
 - C mengurangkan penggunaan mesin dan jentera di tempat kerja.
 - D menampung kekurangan bilangan kakitangan dalam sektor kerajaan.

- 94 Proses pembentukan bangsa Malaysia adalah berteraskan kepada
- I Rukun Negara.
 - II Dewan Negara.
 - III Majlis Raja-Raja.
 - IV Perlembagaan Malaysia.
- A I dan II sahaja.
B I dan IV sahaja.
C II dan III sahaja.
D II, III dan IV sahaja.
- 95 Tema Hari Kebangsaan pada tahun 2006 ialah
- A Keranamu Malaysia.
 - B Malaysiaku Gemilang.
 - C Islam Hadhari Negara Maju.
 - D Modal Insan Asas Pembangunan Negara.
- 96 Kawasan yang menjadi tumpuan komuniti imigran di Tanah Melayu ialah
- A utara semenanjung.
 - B selatan semenanjung.
 - C pantai timur semenanjung.
 - D pantai barat semenanjung
- 97 Berikut adalah pengajaran penting yang diperolehi daripada Peristiwa 13 Mei 1969 dalam menjamin perpaduan antara kaum di Malaysia.
- I Parti politik yang berbentuk perkauman seharusnya dihapuskan.
 - II Kepentingan hidup bersama dalam pelbagai lapangan kehidupan.
 - III Mempertahankan demokrasi bagi mewujudkan persamaan di kalangan rakyat.
 - IV Mematuhi perlembagaan dan undang-undang negara bagi menjamin keamanan dan ketenteraman yang berterusan.
- A I, dan III sahaja.
B I, dan IV sahaja.
C II, III dan IV sahaja.
D I, II, III dan IV.

- 98 Berikut adalah **BENAR** mengenai masyarakat bumiputera.
- A Merujuk kepada bangsa Melayu di semenanjung sahaja.
 - B Masyarakat bumiputera berjaya menguasai bidang politik dan ekonomi ketika zaman penjajah.
 - C Merupakan anak watan asal atau naif yang merujuk kepada orang Melayu, Orang Asli dan pribumi Sabah dan Sarawak.
 - D British telah menyediakan peruntukan yang besar dalam bidang pendidikan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat Bumiputera dalam pentadbiran.
- 99 Berikut adalah pernyataan yang menggambarkan masyarakat majmuk.
- I Mempunyai masyarakat yang berbilang kaum.
 - II Ciri-ciri kemajmukan lebih jelas pada zaman penjajahan.
 - III Tiada hubungan langsung antara masyarakat berbilang kaum dan agama.
 - IV Kaum berlainan dipisahkan oleh perbezaan ekonomi, budaya, tempat tinggal dan politik.
- A I, II dan IV sahaja.
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.
- 100 Sekolah Wawasan merujuk kepada
- I sebuah sekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum.
 - II beberapa buah sekolah rendah dari aliran yang berlainan di dalam satu kawasan yang sama.
 - III sebuah sekolah yang mengintegrasikan antara matapelajaran dalam bidang sains, teknologi, sastera dan agama.
 - IV proses pembinaan generasi akan datang yang mempunyai sikap toleransi dan persefahaman kaum yang tinggi.
- A I dan III sahaja.
 - B II dan III sahaja.
 - C II dan IV sahaja.
 - D I, III dan IV sahaja.

SOALAN TAMAT